

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2020)**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN JUGAH ANAK MUYANG @ TAMBAT  
[ LUBOK ANTU ]**

**SOALAN**

**YB TUAN JUGAH ANAK MUYANG @ TAMBAT [ LUBOK ANTU ]** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah pelan atau langkah-langkah yang diambil untuk kempen dan promosi produk ekopelancongan di kawasan Parlimen Lubok Antu.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Segmen ekopelancongan merupakan salah satu produk pelancongan yang akan diberi keutamaan oleh Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya dalam membangun dan mempromosi sektor pelancongan di negara menerusi Pelan Ekopelancongan Kebangsaan (NEP) 2016-2025.
2. Di bawah NEP 2016-2025, Kementerian telah merangka strategi dan pelan tindakan bagi membangun dan memastikan kelestarian produk ekopelancongan kekal mampan melalui pembangunan kluster ekopelancongan. Ia juga bertujuan untuk merancakkan ekonomi dan mengekalkan kelestarian produk ekopelancongan melalui kerjasama erat di antara sektor awam, pemain industri dan komuniti setempat secara holistik.
3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, daerah Lubok Antu tersenarai dalam salah satu daripada sembilan (9) kluster

ekopelancongan di negeri Sarawak, iaitu di bawah Kluster Sri Aman-Batang Ai-Ulu Sungai Menyang-Maludam. Produk pelancongan yang dikenalpasti dalam kluster ini adalah seperti Taman Negara Batang Ai, *Red Ape Trail*, Taman Negara Maludam dan Air Terjun Ensulai.

4. Kementerian melalui Pejabat Penyeliaan (*Tourist Information Centre-TIC*) Tourism Malaysia di Sarawak, melaksanakan promosi produk ekopelancongan ini melalui usaha-usaha seperti berikut:

- i. menyenaraikan Taman Negara Batang Ai pada risalah *Malaysia National Marine Parks* terbitan Tourism Malaysia. Risalah-risalah ini juga dimuat naik dalam bentuk *e-brochure* yang boleh diakses di seluruh dunia secara digital dalam 14 bahasa;
- ii. menggalakkan agensi pelancongan tempatan terutamanya di Sarawak untuk membangun dan menjual pakej ke Taman-Taman Negara di Sarawak termasuk Taman Negara Batang Ai setelah Taman-Taman Negara ini dibuka semula kepada orang ramai pada akhir bulan Jun 2020;
- iii. menjalankan publisiti dan promosi dalam media sosial dan digital melalui laman web Tourism Malaysia dan *Youtube* serta media sosial seperti *Facebook*, *Twitter* dan *Instagram*; dan
- iv. menyebarkan maklumat mengenai produk pelancongan yang terdapat di negeri-negeri kepada pelancong melalui Pejabat Wilayah Tourism Malaysia dan 19 buah TIC di seluruh negara.

Sekian, terima kasih.